



'CEPAT DAN MESRA'

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-7/1/1 (4)
(Our Ref)
Tarikh : 30 Jun 2011
(Date)

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Kuala Lumpur,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Labuan,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Putrajaya,

YS Dato'/Tuan,

PERINGATAN KEPADA PEMATUHAN PERUNTUKAN BAGI PEMBINAAN DINDING DUA PIHAK (*PARTY WALL*)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat ruj.JBPM:BKK/005/013/2/27 (13) bertarikh 16 Jun 2010 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan terdapat perbezaan pelaksanaan bagi pembinaan dinding dua pihak rumah kediaman di antara negeri-negeri. Perbezaan ini disebabkan pemahaman yang berbeza dan juga amalan yang diikuti dari masa ke semasa. Perbezaan ini telah menimbulkan kekeliruan dan persoalan kepada pihak professional.
3. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan kekeliruan yang timbul ekoran daripada edaran surat terdahulu, maka satu ketetapan telah diambil bagi memastikan keperluan



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

berhubung pembinaan dinding dua pihak (*Party Wall*) ini diseragamkan pelaksanaannya di seluruh negara. Berikut adalah ketetapan yang dibuat berdasarkan Undang-undang Kecil 86, Undang-undang Bangunan Seragam 1984:-

3.1. Semua dinding dua pihak hendaklah pada amnya tidak kurang daripada 200 milimeter jumlah tebalnya diperbuat dari batu padat atau konkrit *insitu* dan boleh terdiri dari dua lapis berasingan tiap-tiap satunya tidak kurang daripada 100 milimeter tebal jika dibina pada masa-masa berlainan;

3.1.1 Rekabentuk binaan bagi rumah berbilang tingkat (pangsapuri, apartmen, kondominium) dan rumah teres secara konkrit tetulang atau bingkai keluli, ketebalan dinding dua pihak hendaklah tidak kurang daripada 100mm tebal.

3.1.2 Bagi rumah teres satu tingkat, dinding dua pihak yang dibina dari batu padat atau konkrit tetulang *insitu* bawa beban, tebal dinding dua pihak tidak kurang 100mm.

4. Sehubungan dengan itu, surat jabatan ini ruj.BKK/005/013/2/27 (13) bertarikh 16 Jun 2010 adalah **TERBATAL**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia” Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan.

Saya yang menurut perintah.

(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran,
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.

- s.k. i. YAS Ketua Pengarah
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)